KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 Ogos 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 20/8/2025

M/SURAT: 17




**RINGANKAN BEBAN:** (Dari tiga kiri) Mohamed, Idrus dan pegawai KPDN Limbang pada PJR Lot 777 Limbang, Ahad lalu yang mendapat sambutan luar biasa.

# PJR di Lot 777 Limbang dapat sambutan hangat

**LIMBANG:** Program Jualan RAHMAH (PJR) yang berlangsung di pekarangan Lot 777 Ahad lepas berjaya membantu lebih 200 golongan berpendapatan rendah dan B40 mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih rendah.

Pengusaha Syarikat S. Ahmad & Sons Mohamed Ahmad berkata, penduduk di daerah ini beratur seawal jam 6 pagi untuk mendapatkan 19 barangan terpilih pada harga murah.

Katanya, PJR yang diadakan sejak beberapa tahun lepas mendapat sambutan luar biasa kerana program itu dapat membantu meringankan kesan kos sara hidup ketika ini.

"PJR sangat-sangat membantu dari segi harga yang betul-betul murahlah dari segi barang-barang asas makanan, beras, minyak, gula, tepung dan apa-apa saja keperluan dapur.

"Sebab itu, setiap kali anjuran Jualan Rahmah setiap kali juga banyak penduduk yang datang," katanya ketika ditemui media pada Jualan Rahmah MADANI sempena Festival Muzik Wilayah Utara (NRMF) di Lot 777 Limbang, Ahad lepas.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Limbang Idrus Nalin.

Mohamed menyifatkan PJR satu program yang baik untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan barang kawalan pada harga subsidi.

"Program ini perlu diteruskan kerana ia bertujuan membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana sambil merancakkan ekonomi peruncitan tempatan," katanya.

Selain Jualan Rahmah MADANI, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut melaksanakan Jualan Agro MADANI sempena NRMF.

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 20/8/2025
M/SURAT: 20

TIGA KEDAI TEKSTIL DIKOMPAUN

# Guna alat sukat liner tidak ditentusahkan

**Kuala Lumpur:** Tiga kedai tekstil terkenal di ibu negara dikompaun selepas dikesan menggunakan alat sukat liner tidak ditentusahkan dalam pemeriksaan, semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman berkata, ketiga-tiga premis berkenaan dikesan melakukan kesalahan itu dalam Ops Pematuhan Undang-Undang di bawah KPDN bermula jam 12 tengah hari.

Menurutnya, dalam operasi itu, pihaknya turut mengeluarkan empat kompaun berkaitan harga dalam pemeriksaan di kawasan berkenaan.

"Kami mengeluarkan tujuh kompaun mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) serta Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71) membabitkan keseluruhan kompaun RM7,000.

"Semua peniaga masing-masing dikesan melakukan kesalahan tidak mempamerkan penandaan harga bagi barang jualan serta menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak ditentusahkan," katanya pada sidang media, di sini.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati masih terdapat peniaga yang menggunakan alat sukat liner atau kayu pengukur yang tidak ditentusahkan sekali gus menyalahi undang-undang sedia ada dan pengguna juga perlu cakna dan peka dengan hak mereka.

"Ada dua elemen menentukan alat sukat liner itu ditentusahkan iaitu ia mesti kayu dan kedua-dua hujung kayu pengukur itu mesti mempunyai logam serta mempunyai label pensijilan yang sah daripada ejen KPDN.

"Justeru, pengguna yang membeli kain potong (kain ela) perlu tengok dan semak pembaris sukat itu, adakah ia sudah ditentu sah. Sekiranya tak ada dua tindakan yang kita galakkan pengguna lakukan.

> "Jangan beli daripada premis itu supaya tidak menyokong salah laku dilakukan
> Mohd Sabri

"Jangan membeli daripada premis itu supaya tidak menyokong sebarang salah laku yang dilakukan oleh peniaga dan laporkan kepada pihak KPDN," katanya.

Katanya, operasi itu membabitkan pemeriksaan kedai runcit, fabrik dan restoran di kawasan berkenaan yang juga kawasan tumpuan orang ramai.

Sementara itu, Mohd Sabri berkata, sepanjang tahun ini pihaknya mengeluarkan kompaun hampir RM100,000 membabitkan 272 kes bagi kesalahan penandaan harga serta alat timbang dan sukat.



MOHD Sabri memeriksa beg tangan yang dijual ketika operasi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 20/8/2025
M/SURAT: 5

# Duo jailed for smuggling petrol

**Lagatah Toyos**



TAWAU: Two illegal immigrants were each sentenced to six months' jail by the Sessions Court here on Tuesday for possessing 325 litres of controlled goods, namely petrol, without a licence.

Jamal Risal, 37, and Mad Kasim Saudi, 45, pleaded guilty before Judge Ahmad Faizadh Yahaya to having 13 jerry cans filled with petrol stored on a wooden boat in the waters off southern Mataking, Semporna, at 9.30am on Aug 14.

The petrol was found under circumstances that gave rise to reasonable suspicion of dealings in controlled goods without a valid licence, in contravention of Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974.

Both were charged under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, which carries a penalty of up to RM1 million in fines, imprisonment for up to three years, or both, upon conviction.

The court ordered that the jail sentences begin from the date of their arrest. Upon completion of their jail term, both men are to be referred to the Immigration Department for further action.

Prosecuting Officer Samat Mapiare of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry conducted the prosecution, while the accused were unrepresented.

中國報 CHINA PRESS
HARI: RABU
TARIKH: 20/8/2025
M/SURAT: 2

## 涉價格標注與測量器
# 内貿部開近10萬罰款


■莫哈末沙比里检查业者所售卖的手提包。

（吉隆坡19日讯）自今年年初至今，国内贸易及生活成本部（KPDN）吉隆坡分局共侦破 272起涉及价格标注和测量器的案件，罚款总额接近10万令吉。

吉隆坡分局主任莫哈末沙比里建议消费者提高警惕，如果怀疑统制商品被滥用、销售赝品或商家不遵守法律，应立即向当局举报。

“我们也希望商家始终遵守法律，确保交易公平透明。”

他今日在东姑阿都拉曼路主导执法行动后，如是指出。

### 確保交易公平透明

这场执法行动从中午12时开始，一共检查了35间店铺，并援引2011年价格控制及反暴利法令和1972年度量衡法令，就各种违法行为开出7张罚单，罚款总额为7000令吉。

这7张罚单，分别是3间店铺使用未经认证的测量器，4间店铺没展示物价。

莫哈末沙比里指出，使用没有验证的测量器会影响消费者的权限，在购买布料的时候受骗。


■莫哈末沙比里展示不符合规格的测量尺。

“用于测量布料的尺子必须符合规格，两端都是金属，并且有国内贸易及生活成本部认证标签。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 OGOS 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 20-Aug | KPDN kompaun kedai tekstil terkenal | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254084/kpdn-kompaun-kedai-tekstil-terkenal | HARIAN METRO |
| 20-Aug | Kedai Tekstil Di Ibu Negara Dikesan Guna Alat Sukat Tidak Sah - KPDN | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2458268 | BERNAMA |
| 20-Aug | Drones help foil 39 smuggling attempts at Malaysian-Thailand border | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1262074/drones-help-foil-39-smuggling-attempts- | NST |
| 20-Aug | Malaysian-registered vehicles being used to smuggle subsidised fuel across border | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1262251/malaysian-registered-vehicles-being-used-smuggle-subsidised-fuel#google_vignette | NST |
| 20-Aug | IP laws inadequate for AI content, says stakeholder | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/19/ip-laws-inadequate-for-ai- | THE STAR |
| 20-Aug | Jom Beli Lokal - Barang Kita, Kebanggaan Kita: KBBM dorong sokongan produk tempatan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jom-beli-lokal-barang-kita-kebanggaan-kita-kbbm-dorong-sokongan-produk-tempatan-534934 | ASTRO AWANI |
| 20-Aug | Usahawan, perniagaan diseru daftar logo Barangan Malaysia, Buatan Malaysia - KPDN | https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/usahawan-perniagaan-diseru-daftar-logo-barangan-malaysia-buatan-malaysia-kpdn-x9p2b86 | ASTRO AWANI |
| 20-Aug | Kempen Beli Barang Malaysia sasar bawa produk tempatan ke pasaran global - KPDN | https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kempen-beli-barang-malaysia-sasar-bawa-produk-tempatan-ke-pasaran-global-kpdn-x9p2b8a | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Aug | PJR di Lot 777 Limbang dapat sambutan hangat | https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/19/pjr-di-lot-777-limbang-dapat-sambutan-hangat | UTUSAN BORNEO |
| 20-Aug | KPDN kompaun kedai tekstil terkenal | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/08/1254084/kpdn-kompaun-kedai-tekstil-terkenal | HARIAN METRO |
| 20-Aug | Kedai tekstil di ibu negara dikesan guna pembaris tidak sah - KPDN | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedai-tekstil-di-ibu-negara-dikesan-guna-pembaris-tidak-sah-kpdn-534862 | ASTRO AWANI |
| 20-Aug | Tiga kedai tekstil Jalan TAR guna alat sukat tidak diten-tusahkan | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/tiga-kedai-tekstil-jalan-tar-guna-alat-sukat-tidak-ditentusahkan/ | UTUSAN |
| 20-Aug | Tujuh kedai tekstil di Jalan TAR dikompuan RM7,000 guna alat sukat, pembaris tidak ditentusahkan | https://www.tvsarawak.my/2025/08/19/tujuh-kedai-tekstil-terkenal-di-jalan-tar-dikompuan-rm7000-guna-alat-sukat-pembaris-tidak-ditentusahkan/ | TVS |
| 20-Aug | Kedai tekstil di KL dikesan guna alat sukat tidak sah - KPDN | https://thesun.my/cerita/berita/kedai-tekstil-di-kl-dikesan-guna-alat-sukat-tidak-sah-kpdn-GD14717616 | THE SUN' |
| 20-Aug | KPDN kompaun tiga kedai tekstil terkenal | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-kedai-tekstil-terkenal-dikesan-guna-alat-sukat-tidak-sah | RTM |
| 20-Aug | Kedai Tekstil Di Ibu Negara Dikesan Guna Alat Sukat Tidak Sah - KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2458268 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Aug | Some Textile Shops In KL Found Using Unverified Measuring Tools - KPDN | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2458330 | BERNAMA |
| 20-Aug | Textile shops in KL found using unverified measuring tools | https://thesun.my/malaysia-news/textile-shops-in-kl-found-using-unverified-measuring-tools-JD14717079 | THE SUN |
| 20-Aug | 隆市商家违规遭取缔 KPDN：272宗违例罚款近10万 | https://kl.chinapress.com.my/20250819/%e9%9a%86%e5%b8%82%e5%95%86%e5%ae%b6%e8%bf%9d%e8%a7%84%e9%81%ad%e5%8f%96%e7%bc%94-kpdn%ef%bc%9a272%e5%ae%97%e8%bf%9d%e4%be%8b%e7%bd%9a%e6%ac%be%e8%bf%9110%e4%b8%87/ | CHINA PRESS |